



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA, 01 MAC 2022	
1.	Misi beri makanan kepada ' Si Bulus '
2.	Anjing liar berkampung di tanah kubur
3.	Akta khusus pengeluaran anak ayam perlu dikuatkuasakan
4.	MAFI bantu permudah urusan biokrasi dihadapi penternak

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSI**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.03.2022	SINAR HARIAN	RASUAH BUSTERS	18

Misi beri makanan kepada 'si bulus'

Kempen Ejen Meow beri kucing jalanan makan sehingga hari pengundian PRN Johor

Oleh HESYAMUDDIN AYUB

SEGAMAT

Kempen Ejen Meow di seluruh negeri Johor berjalan lancar apabila misi memberi makan kepada 'si bulus' berjaya disempurnakan oleh petugas Rasuah Busters.

Pegawai Perhubungan Strategik Rasuah Busters, Wan Normi Hasan berkata, tanpa mengira waktu, petugas Rasuah Busters bertindak mencari kumpulan kucing jalanan dan memberi makan kepada haiwan yang menjadi kesayangan orang ramai.

Menurutnya, lebih daripada



Kru Rasuah Busters, Asmaliza Mansor memberikan kucing jalanan makan sempena kempen Ejen Meow di Segamat, Johor.

20 ekor kucing jalanan berjaya diberi makan sepanjang tiga hari pasukan Rasuah Busters berada di bandar Tangkak, Segamat dan Muar.

"Bagi menyempurnakan misi Ejen Meow, bekalan makanan kucing akan sentiasa

berada dalam kenderaan pasukan Rasuah Busters sepanjang konvoi di seluruh Johor.

"Gerakan memberi makan kepada si bulus ini akan terus berlangsung sehingga hari pengundian Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor pada 12

Mac ini sekali gus menjayakan kempen Ejen Meow menyebarkan mesej antirasuah kepada orang ramai," katanya pada Isnin.

Mengulas lanjut, Wan Normi berkata, petugas Rasuah Busters menggunakan pelbagai kaedah dan cara terbaik untuk

memujuk si kucing jalanan menjamu selera.

Jelasnya, sebagai kucing jalanan, sifat takut kepada manusia tetap ada dan haiwan itu berusaha menjauhkan diri apabila didekati biarpun sebenarnya haiwan tersebut sedang kelaparan.

Begitupun katanya, kesungguhan petugas Rasuah Busters memberi makan kepada si bulus tetap diteruskan biarpun berdepan pelbagai cabaran.

Untuk itu katanya, ruang bebas diberikan kepada kucing jalanan tersebut untuk datang menjamu selera.

"Begitu jugalah untuk memerangi budaya rasuah di negara ini yang telah berakar untuk sekian lama.

"Kita perlu bersabar untuk mendekati orang ramai bagi menyampaikan mesej antirasuah dan menggunakan strategi tepat dalam memperbetulkan sistem yang pincang dalam pengurusan negara," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.03.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Anjing liar 'berkampung' di tanah kubur

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamalaysia.com.my

PASIR PUTEH: Kehadiran puluhan anjing liar yang 'berkampung' sebelum beranak-pinak di kawasan Tanah Perkuburan Islam Semerak, Cherang Ruku di sini, sejak sekian lama mengusarkan penduduk setempat.

Pada waktu siang, anjing tanpa pemilik itu berkeliraran mencari makanan dengan menyelongkar tong sampah di sekitar pekan Cherang Ruku sebelum berkumpul beramai-ramai di tanah perkuburan pada waktu malam.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, orang ramai mengesahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Perkhidmatan Ve-

terinar (JPV) segera membanteras kehadiran anjing liar itu sebelum berlaku kejadian tidak diingini.

Penduduk, Abdullah Awang, 52, berkata, kumpulan anjing liar itu kian bertambah kerana mereka mengawan sesama sendiri sebelum membiak dan beranak-pinak hanya dalam tempoh beberapa bulan sahaja.

"Saya terkejut apabila melihat semakin banyak kesan tapak kaki haiwan ini dalam kawasan tanah perkuburan. Mereka juga merosakkan pagar tanah kubur, menggali lubang dan membuat sarang di situ.

"Kami bimbang sekiranya kumpulan anjing liar ini bertindak menggali tanah dan merosakkan kubur mana-mana jenazah saudara-mara kami yang

baru dikebumikan," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Seorang lagi penduduk, Kamarudin Ismail, 30, berkata, dia bimbang jika kumpulan anjing liar itu bertindak ganas dan menyerang manusia, terutama kanak-kanak lebih-lebih lagi kebanyakannya berpenyakit.

"Saya harap pihak berkuasa tidak berpeluk rubuh sahaja atau tunggu hingga ada kes serangan anjing liar baru hendak bertindak. Lebih baik dibanteras sekarang sebelum jumlahnya semakin bertambah.

"Sekarang ini sudah ada kambing dan biri-biri yang ditenak secara lepas oleh penduduk menjadi babuan makanan kawanan anjing liar ini," katanya.



PENDUDUK menunjukkan lokasi yang menjadi tempat tidur kawanan anjing liar di Tanah Perkuburan Islam Semerak, Cherang Ruku, Pasir Puteh. - UTUSAN/TOREK SULONG

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.03.2022	KOSMO	ONLINE	

Akta khusus pengeluaran anak ayam perlu dikuatkuasakan – Ronald



Datuk Seri Ronald Kiandee (kanan) melihat sebahagian telur yang telah siap dipek untuk dipasarkan ketika mengadakan lawatan ke Ladang Ayam Telur Selasih Aman yang terletak di Kalumpang di sini, hari ini. - MUHAMAD IQBAL ROSLI

HULU SELANGOR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggesa kerajaan untuk mewujudkan akta khusus bagi memastikan pengeluaran anak ayam dan makanan kepada penternak lebih berkualiti.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, akta itu perlu diwujudkan kerana kualiti baka anak ayam dan makanan tidak memuaskan selain kos import dedak semakin tinggi.

“Kapasiti pengeluaran ayam negara tidak mencukupi beberapa minggu ini sehingga kita terpaksa membawa masuk ayam beku dari negara luar.

“Hal ini kerana beberapa faktor yang menyebabkan kapasiti pengeluaran dilakukan dalam kalangan penternak sehingga pengeluaran ayam negara tidak mencukupi.

“Tindakan intervensi dibuat kerajaan adalah untuk menampung kos pengeluaran terutama harga dedak iaitu jagung dan kacang soya yang mendadak tinggi harganya,” katanya ketika sidang akhbar di Ladang Haji Idrus, di sini hari ini.

Susulan itu, Ronald juga menegaskan penghasilan penanaman dedak tempatan perlu dilaksanakan bagi mengurangkan beban kepada syarikat pengeluaran ayam.

“Kita bergantung sepenuhnya kepada pengimportan dedak, peningkatan kos import bahan akan memberi kesan kepada industri ternakan negara.

“Kita perlu mengubah dan mengkaji semula dasar sedia ada untuk tidak bergantung kepada pengimportan dedak sekaligus mengurangkan bebanan kepada industri ternakan negara,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.03.2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

MAFI bantu permudah urusan birokrasi dihadapi penternak



RONALD Kiandee (kanan) melihat sebahagian telur yang telah siap dipek untuk dipasarkan ketika melawat Ladang Ayam Telur Selasih Aman yang terletak di Kalumpang, Hulu Selangor, Selangor, hari ini. - UTUSAN / MUHAMAD IQBAL ROSLI

HULU SELANGOR: [Kementerian Pertanian dan Industri Makanan](#) (MAFI) menyatakan komitmen untuk membantu penternak yang menghadapi masalah berkaitan pengurusan ladang yang

berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ini kerana terdapat keluhan daripada penternak dari setiap negeri yang berhadapan dengan masalah pematuhan kepada perautaran-peraturan PBT yang berbeza-beza mengikut kawasan.

Menurut menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, pihaknya akan berbincang dengan pelbagai kementerian berkaitan termasuk Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Katanya, hal demikian turut memberi kesan kepada pengeluaran ayam dan telur dalam negara apabila beberapa syarat daripada PBT gagal dipenuhi selain terpaksa menanggung kos tinggi.

"Juga beberapa isu yang melibatkan PBT seperti Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB) dalam sektor ini yang bukan sahaja tertakluk kepada MAFI, tetapi perlu perbincangan lebih lanjut bersama dengan kementerian lain terutama melibatkan kerajaan tempatan.

"Kita mendengar keluhan dan juga beberapa isu yang dikemukakan oleh pemain industri, MAFI akan mengangkat masalah ini bagi kepentingan industri penternakan keseluruhannya," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan di ladang penternak ayam penelur dan pedaging di sini hari ini.

Yang turut hadir dalam lawatan tersebut adalah Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan), Dr. Suratan Kamarudin; Pengarah Perkhidmatan Veterinar Selangor, Dr. Hassuzana Khalil dan Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin.

Beliau menambah, beliau turut mendengar keluhan daripada penternak yang sukar mendapatkan pinjaman bagi menyokong perusahaan penternakan terutama melibatkan pengusaha berskala kecil.

"Beberapa isu daripada pemain dalam industri ayam penelur disuarakan seperti perlu dipercepatkan proses mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan yang menawarkan pinjaman dalam sektor agro makanan," jelasnya.

Terdahulu, Idrus ketika dalam pertemuan bersama Ronald menyuarakan beberapa masalah dihadapi penternak khususnya mereka yang baharu menceburi bidang tersebut apabila terpaksa berhadapan dengan kos pengurusan mahal.

"Setiap kawasan berhadapan dengan situasi berbeza-beza mengikut dasar PBT masing-masing. Sebagai contoh di Selangor, penternak baharu perlu menanggung kos untuk mendapatkan KM dan PB dengan kos antara RM25,000 hingga RM40,000.

"Situasi berkenaan akhirnya menekan bukan sahaja penternak baharu, malah mereka yang belum mendapatkan kebenaran daripada PBT untuk beroperasi. Disebabkan itu juga terdapat pengusaha yang akhirnya menutup perniagaan mereka," ujarnya. -[UTUSAN ONLINE](#)

